PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

TEKS UCAPAN AMANAT

PROGRAM SESI TOWNHALL
PEGAWAI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) DAN
PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41/44
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
(PLANMALAYSIA) TAHUN 2024

DATUK TPr. DR. ALIAS BIN RAMELI
KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Beyond 'Planning Beyond Conventional'

24 Jun 2024 (Isnin)

Hotel Vivatel, Ballroom 1 & 2, Level 3A, No. 85, Jalan Loke Yew,
55200 Kuala Lumpur.

Bismillahirrahmanirrahim.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan **Salam PLANMalaysia, Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara.**

Terima kasih kepada saudari Pengacara Majlis.

Yang Berusaha TPr Md Nazri bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan);

Yang Berusaha TPr Haji Hassan bin Yaakob
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

Ketua-ketua Unit Pusat Setempat (OSC), Pegawai-pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41/44 di Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri, Unit Pusat Setempat dan Kader dari pelbagai Kementerian dan agensi yang saya hormati dan sayangi sekalian.

KATA-KATA ALUAN

1. Pertama-tamanya marilah kita merafak kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinanNYA, dapat kita berhimpun dan berkumpul **dalam Program Sesi Townhall Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) dan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41/44 Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia) Tahun 2024.**

2. Izinkan saya memulakan ucapan dengan membaca **Surah Hud (Ayat 88).**

إِنْ أُرِيدُ إِلَّا ٱلْإِصْلَٰحَ مَا ٱسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِىٓ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

Mafhumnya: *Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNyalah aku kembali.*

3. Surah Hud (Ayat 88) yang saya bacakan tadi menekankan tentang konsep **al-Islah (Islah) atau `reform'** yang bermaksud "Usaha dan pembaharuan untuk menjadikan atau mengembalikan sesuatu keadaan kepada keadaan yang betul, tepat dan sesuai serta lebih baik".

4. Merujuk kepada pemikir Mesir yang terkenal, Sayyid Qutub, **Islah** adalah bagi **melakukan kebaikan umum** untuk kebajikan kehidupan yang akan membawa kesejahteraan kepada setiap individu, kelompok masyarakat dan akhirnya kepada Negara. Islah itu, harus dilakukan dengan tertib, ikhlas dan `mastataqtu' (yakni bersungguh-sungguh).

5. Selaras dengan konsep islah tadi, kita di peringkat PLANMalaysia perlu memainkan peranan penting dalam memartabatkan jabatan sebagai agensi unggul dalam bidang perancangan, maka kita sebagai penjawat awam (yang telah diberi amanah oleh rakyat) perlu **bertindak secara rasional, fleksibel, proaktif dan mendasar** dalam merancang dengan memberi tumpuan terhadap isu-isu semasa di peringkat global dan *local* di samping memenuhi keperluan dan kehendak penduduk pelbagai golongan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

6. **'PLANNING BEYOND CONVENTIONAL' ATAUPUN PERANCANGAN MELANGKAUI KELAZIMAN** merupakan tagline yang diutarakan oleh kepimpinan pengurusan terdahulu untuk mengiktiraf dan memantapkan lagi praktis semasa serta menggalakkan praktis baru yang melangkaui amalan sedia ada tanpa menyalahi peraturan atau perundangan semasa yang telah pun digunapakai sejak dipersetujui dan diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Januari 2017 sempena penjenamaan semula Jabatan Perancangan dan Desa yang dikenali sebagai JPBD kepada PLANMalaysia.

7. Kerancakan pertumbuhan ekonomi apabila kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), kepesatan kadar urbanisasi yang mengubah keperluan landskap teknologi semasa ke arah pendigitalan telah mendorong keperluan kita sebagai perancang bandar untuk mengadaptasi perubahan ini secara lebih fleksibel.

8. **PLANMALAYSIA TODAY: BEYOND 'PLANNING BEYOND CONVENTIONAL'** - merupakan tema sesi townhall tahun 2024. Sudah tiba masanya kita bertindak dengan melipatgandakan lagi usaha dalam meneruskan momentum dan ikhtiar bagi **melonjak kecemerlangan** PLANMalaysia secara **`mastataqtu'** demi memacu peranan jabatan sebagai peneraju perancangan pembangunan negara.

9. Sepertimana yang pernah saya tekankan sebelum ini, Kita tidak wajar kembali kepada amalan konvensional atau "old normal", sebaliknya **pemikiran "new normal" dan `beyond conventional'** sewajarnya diterjemahkan dalam proses perancangan, khususnya dalam **acuan perbandaran madani** yang memberi perhatian kepada aspek `humanity' atau kemanusiaan dan tatakelola yang baik dan tertib. Di mana, kita perlu **"revisit, reform** dan kadangkala perlu **`reset' kepada proses dan tata kelola** perancangan bandar dan desa yang telah kita amal dan laksanakan.

10. Suka saya tekankan kepentingan untuk kita terus bersama-sama **membudayakan gerak kerja PLANMalaysia** bagi memperkukuh peranan Jabatan agar ia terus utuh relevan melalui evolusi **gerak kerja "Four plus ONE**" yang diperkenalkan sejak awal tahun ini.

Penambahbaikan gerak kerja sedia ada ini adalah selaras dengan konsep dan gagasan Malaysia MADANI.

i. **Gerak Kerja 1: Meneruskan Ikhtiar Perancangan Bandar Bagi Merealisasi Malaysia MADANI dan Mengangkat Visibiliti PLANMalaysia Di Peringkat Negara dan Global;**
ii. **Gerak Kerja 2: Memperteguhkan PLANMalaysia Selaras Dengan Aspirasi Bidang Fokus Utama KPKT**;
iii. **Gerak Kerja 3: Memantapkan Tatakelola Perancangan Melangkaui Kelaziman;**
iv. **Gerak Kerja 4: Meningkatkan Liputan Media yang Lebih Terangkum dan Tersohor;** dan
v. **Gerak Kerja 5**: **Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk `Ease of Doing Business' di Malaysia** (iaitu bagi memudah cara urusan perniagaan dan pelaburan ekonomi).

11. Gerak kerja "Four plus ONE" ini disokong dengan enam (6) kaedah (modus operandi) iaitu ***FOCUS, COMPLEMENT, COLLABORATE, LISTEN, CARE*** *dan* ***EMPOWER*** serta seiring dengan **konsep *G.R.E.A.T*** yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri KSN ***G.R.E.A.T*** merupakan akronim kepada :

i. *Good Governance* (Tadbir Urus Terbaik),
ii. *Responsible* (Bertanggungjawab),
iii. *Empathy (Ihsan),*
iv. *Accountable (Kebertanggungjawaban) dan*
v. *Tenacity of Purpose (Fokus Pada Matlamat).*

12. YBhg. Dato' KPPA juga telah menggariskan konsep HEMAT bagi menyokong konsep GREAT yang diterapkan oleh Tan Sri KPPA iaitu:

HEMAT merupakan akronim kepada :

i. Hijrah Tata Kelola
ii. Empati Rakyat
iii. Minda Pekin
iv. Apresiasi Inovasi
v. Telus Tadbiran

13. Pengukuhan kesemua gerak kerja dan tata kelola ini adalah perlu bagi mendokong pencapaian **Bidang fokus Utama KPKT, di mana daripada 7 Bidang,** PLANMalaysia telah diberi tanggungjawab untuk **Memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu.**

14. Dalam mengatur dan menjayakan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan, ia perlu dinilai dengan lebih objektif melalui **konsep *Return of Investment* (ROI) dan *Cost Benefit of Analysis* (CBA) dari sudut ekonomi mahupun sosial** supaya dapat terus melonjak reformasi ekonomi, seterusnya memperkasa rakyat dan melonjak pembangunan negara dengan cara dan perlakuan tatakelola dan tatacara yang cekap, tuntas dan berintegriti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SASARAN IMPERATIF KPKT

15. **Lima (5) Sasaran Imperatif baharu** yang perlu dilaksanakan bagi menjadikan KPKT cemerlang dalam menyampaikan fungsinya.

i. **Sasaran 1 : Pusat Kecemerlangan *(Centre of Excellence)*** Dalam konteks ini, PLANMalaysia akan mengukuhkan peranan *Subject Matter Expert* (SME) sedia ada di kalangan warga PLANMalaysia seperti dalam bidang perumahan, sosial, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti.

ii. **Sasaran 2 : Memacu Reformasi Melalui Data Raya, Pendigitalan Dan Teknologi -** Sebagai *way forwad*, KPKT akan meneruskan agenda e-governance dengan membangunkan **Sistem Integrasi Data KPKT** bagi tujuan peningkatan penyampaian perkhidmatan melalui ***data driven*** yang mana perkara ini (dalam konteks PLANMalaysia) boleh **diselaraskan dalam pembangunan *big data* (termasuk memanfaatkan sepenuhnya AI dan MUO).**

iii. **Sasaran 3 : Penerapan Konsep *Collaborative Mindset*** yang merujuk pada satu pola pemikiran dan tindakan yang mendorong kepada **kerjasama dan kolaborasi dalam sesuatu organisasi dan persekitaran**.

iv. **Sasaran 4 : Memacu Prestasi Berdasarkan Pengiktirafan** Dalam hal ini, kita perlu sentiasa **kompetitif bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan** dan mengintai potensi yang boleh kita teroka di platform lebih besar termasuk di peringkat antarabangsa. *Output* dan *outcome* perlu dikenalpasti berdasarkan **penggunaan sumber yang optimum dengan menggarapkan elemen *wow factor*.**

v. **Sasaran 5 : Pemerkasaan Produk Perkhidmatan KPKT Melalui RND Bagi Tujuan Pengkomersialan dan Perindustrian -** Tumpuan perlu diberikan kepada **penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi** melalui R&D dan C&I sebagai model pertumbuhan untuk berdaya tahan dalam jangka panjang. Dalam aspek ini, suka saya peringatkan, apa jua produk yang disediakan perlu **bergerak ke arah menyumbang kepada pelaburan ekonomi negara**. Inisiatif PLANMalaysia seperti PEGTAECRL, penyediaan GPP EVCB, GPP Taman Kenderaan Rekreasi (*RV Park*), GPP Kilang Tanaman (Plant Factory) dan GPP Data Center adalah selari dengan penetapan Sasaran Imperatif KPKT.

16. Selari dengan Tatakelola 5P dan sasaran Imperatif Kementerian, sayugia, saya ingin mengajak semua warga PLANMalaysia untuk lebih jujur dan berani mencuba perkara di luar kebiasaan.

17. Seperti yang ditekankan oleh YB Nga Kor Ming di dalam Majlis Apresiasi Kecemerlangan Tahun 2023 KPKT yang diadakan baru-baru ini “Kita semua **perlu berganding bahu demi mencapai tahap kecekapan dan kualiti yang tinggi** melalui tiga elemen utama penentu kejayaan iaitu **perancangan tersusun, pelaksanaan yang cepat dan pelan komunikasi berkesan.** Seluruh warga kerja KPKT diharap dapat **meneruskan kerjasama yang baik dan erat** serta **sentiasa menyokong di antara satu sama lain.** Kebersamaan dan permuafakatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalas akan membuahkan hasil yang cemerlang.”

18. Di kesempatan ini juga saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pegawai yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2023. Saya doakan momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan dan dijadikan sebagai pemangkin semangat untuk kita terus maju jaya pada tahun ini dan tahun yang mendatang.

19. Saya juga menyeru semua untuk sentiasa bersedia menghadapi transformasi pendigitalan dan melengkapkan diri dengan kemahiran berpandukan teknologi terkini selain ilmu pengetahuan agar perkhidmatan Kerajaan kekal relevan dan progresif kerana ekspektasi pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin tinggi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SEPARUH TAHUN PERTAMA 2024

20. Sedikit rungkaian imbasan *report card* PLANMalaysia pada separuh tahun 2024, di mana banyak yang telah kita capai dan sudah tentunya kejayaan ini tidak akan sesekali digapai tanpa kerjasama semua warga PLANMalaysia sama ada di peringkat Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon. Tidak lupa juga pegawai-pegawai kader kita sama ada di OSC mahupun di kementerian yang saya kira telah banyak membawa nama PLANMalaysia sebagai pengantara atau **"duta kecil"** dalam menjalankan bidang tugas masing-masing.

21. Sehingga Jun 2024, Di peringkat PLANMalaysia, sebanyak **500 program / tindakan kerja** telah berjaya dilunaskan pada tahun 2024. Pelbagai kejayaan telah dikecapi sama ada dari peringkat global mahupun negara di antaranya :

i. Program Outreach PLANMalaysia sempena Seminar Tadbir Urus Perancangan Spatial Marin (MSP) – 9 Jun 2024;

ii. Program Adaptasi Inisiatif Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara (RFZPPN) melalui Rancangan Tempatan (RT) Daerah Besut 2035 dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bersama komuniti Pulau Perhentian, Daerah Besut, Terengganu – 7 hingga 8 Jun 2024;

iii. Webinar Senario Desa di Malaysia Siri 1 – 6 Jun 2024;

iv. Majlis Pra Pelancaran Garis Panduan Perancangan Taman Kenderaan Rekreasi (GPP TaKeR) sempena Sambutan Hari

Landskap Negara 2024 (HLN 2024) oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan – 24 Mei 2024;

v. Courtesy Visit by Shanghai Planning and Natural Resources Bureau, People's Republic of China – 17 Mei 2024;

vi. PLANMalaysia's Involvement In The International Association For Impact Assessment 2024 (Iaia24) Dublin, Ireland – 24 hingga 27 April 2024;

vii. Pemeteraian Garis Panduan Perkongsian Data antara Kementerian Kerja Raya bagi Sistem Malaysia Urban Observatory – 16 April 2024; dan

viii. ASEAN SMART CITY DEVELOPMENT ROUNDTABLE | InnoEX 2024 – 13 April 2024.

22. Malah tahun 2023 juga merupakan tahun yang paling ramai pegawai-pegawai kita mengikuti program latihan di keluar negara iaitu melibatkan **sebanyak 18 program dengan diwakili seramai 21 orang pegawai dari pelbagai gred**. Manakala pada tahun 2024, sebanyak **23 orang pegawai** yang telah lulus permohonan, 4 orang masih dalam proses kelulusan yang menjadikan penyertaan pegawai ke program latihan di luar negara pada tahun ini meningkat daripada tahun sebelumnya.

23. Sepanjang tahun 2023 sehingga Jun 2024, Jabatan telah berjaya menjadikan media sosial sebagai medium wacana Jabatan mempromosikan produk-produk di mana secara keseluruhannya sebanyak **1,830 tindakan** telah dilaksanakan meliputi perkara-perkara berikut iaitu:

i. 5 sesi wawancara TV;
ii. 17 sesi wawancara radio;
iii. 419 liputan media; dan
iv. 1,389 posting di media sosial telah dimuat naik.

Saudara, Saudari,

IKHTIAR PERANCANGAN TAHUN 2024

24. Bagi tahun 2024 ini, ayuh kita terus melangkah laju dan Istiqamah ke hadapan untuk terus menyahut cabaran **dalam memperteguh dan menyohorkan** agenda dan ikhtiar perancangan bandar ke arah pencapaian Malaysia dan Perbandaran MADANI.

PENGUKUHAN KECEKAPAN TATAKELOLA PEJABAT DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

25. Pada bulan ini, Jabatan akan menerima seramai enam (6) orang lantikan pegawai Gred J41 baharu dan lima (5) orang lantikan penolong pegawai Gred JA29 baharu.

26. Jabatan juga komited untuk mengisi dengan kadar segera kekosongan perjawatan bagi gred:

(i) Gred J54 – 2 kekosongan (Pengarah Pejabat Projek Zon Tengah & Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan);
(ii) Gred J48 - 2 kekosongan (PLANMalaysia Melaka dan BRFN)
(iii) Gred J44 - 2 kekosongan (PLANMalaysia Johor dan OSC);
(iv) Gred J41 - 11 kekosongan (PPZU,PLANMalaysia Negeri, OSC, Kader); dan
(v) Kumpulan sokongan – 44 kekosongan.

27. Ke arah menjadikan pegawai kita terus kompeten dan tinggi ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek perancangan, Jabatan sedang melaksanakan **pusingan kerja (job rotation)** merujuk kepada Dasar Pertukaran dan Penempatan PLANMalaysia iaitu semua **Pegawai Perancang Bandar dan Desa perlu mematuhi dan melengkapkan pusingan penempatan sepanjang perkhidmatan bagi tujuan mendapatkan pengalaman dan meningkatkan pengetahuan** seperti berikut:

i. Gubalan dasar perancangan dan pembangunan (BRFN, BPP, BPW dan BPKSP);
ii. Penyediaan rancangan pemajuan (Pejabat Projek Zon); dan
iii. Kawalan perancangan (PLANMalaysia Negeri dan OSC).

28. Untuk makluman juga, bagi memperkukuhkan peranan dan fungsi Jabatan, satu kertas **penstrukturan semula perjawatan** di PLANMalaysia telah dihantar ke KPKT untuk pertimbangan KSU dan kelulusan JPA.

MENJENAMA DAN MENYOHORKAN MALAYSIA URBAN OBSERVATORY (MUO)

29. Fokus jabatan kini adalah untuk `**raise the bar'** dan terarah kepada **mencarta dan menyohor projek yang berimpak tinggi berdasarkan outcome *(outcome- based development planning)*** terutamanya kepada projek pembangunan sistem MUO Fasa 1.

30. Mengikut perancangan awal, keseluruhan pembangunan sistem MUO ini akan dilancarkan secara talian *(go live)* menjelang tahun 2025. Namun, berdasarkan kepada kepentingan dan permintaan daripada pelbagai agensi, pihak jabatan akan mengambil inisiatif dan langkah proaktif untuk membolehkan sistem MUO ini **Go-Live pada 31 Januari 2024 dengan domain khas iaitu muo.gov.my dalam versi Beta dengan 6 analitik baharu yang telah dibangunkan.**

31. Jabatan juga komited dalam melaksanakan pembangunan **Pusat Operasi MUO** di Blok F5, PLANMalaysia. Insya Allah, kita menjangkakan Pusat Operasi MUO dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2024.

32. Selain itu, bagi memberi penekanan terhadap data raya yang lebih bermanfaat untuk membawa negara kita ke arah negara pintar, MUO akan kita sell (jual) dan `market'kan (rebranded) **sebagai PUSAT DATA RAYA PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA** dengan *tagline* **"Planning Big Data Towards Smart Nation".**

AI DALAM PERANCANGAN BANDAR

33. Jabatan juga telah menggariskan 12 Potensi Kecerdasan Pintar (AI) Dalam Perancangan Bandar yang disokong dengan Pembangunan analitik data raya iaitu:

(i) **Predictive Modeling & Analysis**

Pertumbuhan bandar, trend populasi, perubahan guna tanah berdasarkan historical data bagi membantu menjangkakan keperluan pembangunan tanah dan strategi pada masa akan datang.

(ii) **Perancangan Pengangkutan**

Optimasi sistem pengangkutan, corak trafik, kenal pasti kesesakan lalulintas dan kemalangan.

(iii) **Optimasi Gunatanah dan Zoning**

Menganalisa maklumat geografi dan sosioekonomi untuk optimasikan perancangan gunatanah zoning supaya penggunaannya adalah yang efisien.

(iv) **Perumahan dan Pembangunan Hartanah**

Menganalisa pasaran hartanah, permintaan dan indikator-indikator ekonomi bagi penyediaan polisi, kesesuaian lokasi dan unjuran hartanah.

(v) **Perancangan Infrastruktur dan Penyelenggaraan**

Kenal pasti keperluan penyelenggaraan Infrastruktur dan optimasi perbelanjaan dan memanjangkan hayat aset-aset yang kritikal.

(vi) **Penggunaan tenaga yang efisien dan Lestari**

Optimasi penggunaan tenaga, cadangan program yang mampan dan lokasi kesesuaian.

(vii) **Natural Disaster Resilience**

Menilai tahap kejadian dan impak geo-bencana seperti banjir, tanah runtuh, tsunami dan cadangan strategi, mitigasi ke arah resilience cities.

(viii) **Penglibatan Masyarakat dan Analisis Aduan**

Menganalisa sentimen awam dan aduan untuk mendapatkan insights dan permintaan penduduk dalam usaha meningkatkan inklusiviti awam. – Community-Driven Urban decisions.

(ix) **Pemeliharaan aset nilai sejarah dan warisan.**

Membantu mengenal pasti nilai sejarah sesuatu struktur atau kawasan, menyokong usaha pemeliharaan dan memastikan sejarah warisan budaya diintegrasikan dengan pelan pembangunan bandar.

(x) **Pemantauan Kualiti Alam Sekitar**

Menganalisa data dari IoT sensor untuk memantau kualiti alam sekitar dan rekomendasi kawasan bandar hijau serta usaha mengurangkan pencemaran.

(xi) **Pembangunan Semula Bandar**

Menganalisa indikator-indikator ekonomi, data perniagaan dan demografi untuk kenal pasti kawasan pembangunan semula bandar.

(xii) **Kemudahsampaian Kemudahan Masyarakat**

Analisis kesesuaian lokasi kemudahan masyarakat bagi tujuan kemudahsampaian penduduk

REFORMASI PERANCANGAN KE ARAH "EASE OF DOING BUSINESS"

34. Sebagai mana yang diungkapkan oleh YAB PM semasa ucapan beliau sempena peluncuran "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat" yang lalu, Malaysia **mensasarkan agar dapat tergolong antara 12 terbaik di dunia dari segi daya saing dan "ease of doing business"**. Beliau turut menggesa penjawat awam untuk bekerja secara efisien melalui kepesatan atau kecepatan kelulusan pelaksanaan sesuatu keputusan berdasarkan ucapan YAB PM di Program Townhall Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) baru-baru ini. Hal ini bertepatan ini dengan gerak kerja Baharu (yang ke-5) iaitu "Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk `Ease of Doing Business' di Malaysia.

35. Jabatan akan terus memainkan peranan dalam agenda mentrasformasi PBT berkaitan `Ease of Doing Business' bersama Jabatan Kerajaan Tempatan melalui inisiatif penambahbaikan **OSC 3.0 Plus dengan harapan dapat mempercepat dan mempertangkaskan proses permohonan dan kelulusan KM**. Selain peranan BPKSP, **pegawai-pegawai di Negeri dan OSC** juga memainkan watak penting sebagai **pemudahcara dalam "menggalakkan pembangunan"** di seluruh negara.

36. Tidak cukup dengan fungsi konvensional ini, Kementerian telah bersetuju dengan syor dalam sesi pemukiman dan penjajaran KPKT, khususnya dalam Teras 3 berkaitan pembangunan spatial dan guna tanah yang mampan, untuk diwujudkan `***Planning Advisory Management Office (PAMO)*** **di PLANMalaysia (BPKSP)** bagi memudah cara dan menyelaras permohonan projek pembangunan dan pelaburan swasta (mega scale and high impact project) untuk tujuan ease of doing business di Malaysia. Alhamdulillah kita telah mengerakkannya secara pantas iaitu sehari selepas sesi pemukiman dengan membincang dan memberi nasihat berkaitan inisiatif `recreational vehicle' (RV) (bersama syarikat TOPIO dari Jerman) dan `data centre' (bersama MIDA/MDEC/TNB) oleh BPP dan PegTAECRL (bersama KSU MITI dan pelbagai Kementerian) oleh BPW.

PEMERKASAAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA PERANCANGAN

37. **Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Perancangan Bandar dan Desa** yang telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri adalah sebahagian daripada hala tuju yang akan mengubah perjalanan aktiviti perancangan bandar di Negara kita. Antara cadangan pindaan akta termasuk punca kuasa memproses dan meluluskan laporan SIA, menyelenggara senarai perunding berkelayakan menyediakan SIA, mempercepatkan proses RKK dan peruntukan akta baharu penyediaan PTK untuk melaksanakan program atau projek yang digariskan di dalam RT dan RKK.

38. Selain itu, ***Regulatory Impact Analysis*** **(RIA)** dan Jadual Peruntukan Rang Undang-Undang bagi menggubal **Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB)** perlu dilaksanakan segera. `By hook or by crook', PSB `is a baby of YBKM', disebut setiap hari oleh Menteri dan dibincangkan secara kerap di peringkat Kementerian. Target terkini KPKT adalah untuk membentangkan Bacaan Kali Pertama pada sesi penggal ketiga Parlimen (Oktober 2024). Ini merupakan tanggungjawab yang besar kepada BPKSP dan TKP Pembangunan.

39. Selain itu, mengambilkira Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) telah digubal sejak 48 tahun yang lalu (merupakan satu tempoh usia yang dikira panjang dan matang), maka adalah sangat wajar bagi kita memulakan skop baharu dalam memperkasa kawal selia perancangan iaitu **Audit Perancangan**. Matlamat utama audit perancangan adalah untuk **memeriksa dan menilai amalan**

tatakelola perancangan bagi mengenal pasti kelemahan sebagai peluang untuk meneroka ruang-ruang penambahbaikan dalam proses perancangan. Again, it is a duty of `BPKSP' to explore it.

`FOLLOW THROUGH EXERCISE' KEPADA PRODUK PERANCANGAN PLANMALAYSIA

40. Kita bukan lagi mengadakan sesi libat urus **"old approach"** dengan pihak UPEN, PBT dan sebagainya. Tetapi kini, tumpuan sesi libat urus telah beralih kepada pemain industri yang tidak pernah kita terfikir sebelum ini. Jika dulu, setelah produk Jabatan kita disiapkan, kita hanya membentangkan ke peringkat Mesyuarat JPN untuk penerimpakaian tetapi kini kita telah melangkaui kelaziman melalui skop baharu `***follow through exercise'*** dengan melebar luas promosi produk (yang memerlukan pelan komunikasi secara berkesan), terus memberi khidmat nasihat dan kepakaran kepada `stakeoholders' dan pemain industri dari dalam dan luar negara. **`Langkah' ini** sudah tentu menuntut perubahan mindset dan keperluan kepada `change management' yang melibatkan peranan oleh `leaders' dalam organisasi PLANMalaysia baik di HQ mahupun di peringkat Negeri dan OSC.

41. Bagi tahun 2024, kolaborasi secara berterusan perlu ditingkatkan dengan pelbagai entiti dalam penyediaan GPP dan Pelan Induk Sektoral dengan harapan dapat menyumbang kepada pelaburan ekonomi negara (termasuk FDI) dan memperkasa eknomi dan sosial rakyat. Kini kita tidak lagi bergerak secara bersendirian, malahan kini kita bergerak secara kolaborasi dalam memperkukuh

peranan dalam agenda pembangunan negara. Sebagai contoh, kita telah menyediakan beberapa GPP *inter agency* iaitu:

i. GPP Pusat Data (*Data Centre*) – kolaborasi dengan MDEC, MITI dan MIDA;
ii. GPP Kilang Tanaman (*Plant Factory*) – kolaborasi dengan KPKM dan MARDI;
iii. GPP Taman Kenderaan Rekreasi (*RV Park*) – kolaborasi dengan MITI, MOT, MOTAC, MOSTI, KPKT, ECER dan syarikat dari Jerman; dan
iv. GPP Tapak Pengeluaran Nadir Bumi (REE) – kolaborasi bersama JMG, JKPTG, Jabatan Hutan, JAS dan sebagainya.

42. Bagi meningkatkan nilai tambah (to add *value and to raise the bar of GPP),* paparan data MUO perlu dimanfaatkan untuk menyediakan pelbagai d*ashboard*, seperti :
    i. *Dashboard* GPP Pusat Data (*Data Centre*);
    ii. *Dashboard* GPP Tapak Perkhemahan dan Taman Kenderaan Rekreasi (*RV Park*);
    iii. *Dashboard* GPP Ladang Solar;
    iv. *Dashboard* Tahap Ketepuan dan Penentuan Intensiti Pembangunan Bandar; dan sebagainya.

RANCANGAN WILAYAH DAN DASAR RANCANGAN SPATIAL MARIN

43. Bidang tugas kita bukan sahaja memberi tumpuan perancangan peringkat nasional mahupun *micro planning* sahaja. Hakikatnya, kita juga tidak membelakangi perancangan di antara wilayah bagi menjamin keseimbangan pembangunan wilayah dari aspek fizikal mahupun ekonomi. Pada tahun ini, tumpuan akan diteruskan untuk memuktamadkan Rancangan Wilayah : Pelan Pengurusan Persempadanan Antara Pekan - Kuantan - Kemaman - Dungun - Jerantut (**RW PAKADJ**) dan Rancangan Wilayah: Pelan Pengurusan Tanah Tinggi Cameron Highlands – Kinta - Lojing **(RW CEKAL).**

44. PLANMalaysia juga perlu membuat anjakan paradigma dan menyokong salah satu saranan di dalam RMK12 iaitu berkaitan **'BLUE ECONOMY', di mana kawasan lautan dilihat akan menjadi sumber ekonomi negara kita** di masa hadapan. Untuk itu, sudah tiba masanya untuk kita `explore' keperluan penyediaan **Perancangan Kawasan Marin atau *Marine Spatial Planning* (MSP).**

MEMPERLENGKAPKAN HIERARKI PERANCANGAN SPATIAL NEGARA – PEWUJUDAN THE 4TH TIER OF URBAN PLANNING DAN MEMPROMOSI AGENDA PERANCANGAN MIKRO

45. Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan mikro? Menurut Jan Gehl, "*A Human Dimension Is A Necessary New Planning Dimension".* Inilah merupakan *tool* untuk mempromosikan manusiawi atau "human centric in city planning", lebih-lebih lagi kita sedang bergerak kepada acuan perbandaran Madani.

46. Perancangan mikro (yang terhasil daripada The 4*th tier of spatial planning hierarcy')* adalah mengkhususkan kepada pelan tindakan khas (PTK) yang disediakan (baik di kawasan bandar atau di luar bandar mahupun melibat kawasan khas komuniti tertentu) bagi **menoktahkan** permasalahan atau isu tempatan. Bagi kawasan bandar, fokus perancangan mikro adalah kepada `penambahbaikan street furniture, pewujudan place-making dan open space', dengan perincian reka bentuk secara lebih teliti dan `perfect' yang menuntut penterjemahan aspek-aspek rekabentuk bandar, landscaping, urban infrastructure dan sebagaainya.

`REBRANDING' PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM' RANCANGAN PEMAJUAN

47. Seperti yang ditekankan di awal tadi, kita kini perlu beralih kepada norma baharu yang lebih dekat dengan hati dan aspirasi rakyat. Masanya kini, untuk kita mengubah atau *rebrand with new approach* "Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan

Tempatan" kerana di sebalik nama tersebut, ia sukar untuk menarik minat rakyat untuk sama-sama menyertai program publisiti tersebut. Sebaliknya, nama yang lebih *catchy* dan mudah difahami (contohnya Peluncuran / Pelancaran / Pameran Awam) boleh digunakan selagi mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang. Saya telah beri tanggungjawab ini kepada TKP Perancangan dan KU UPP untuk memikirkannya.

JADIKAN PLANMALAYSIA `*MORE VISIBLE*' DAN PENGHASILAN LIPUTAN MEDIA YANG LEBIH TERANGKUM

48. Saya suka menegaskan bahawa kita tidak boleh berpuas hati atau *complacent* dengan apa yang kita capai sekarang. Banyak lagi usaha perlu dibuat bagi meningkatkan **visibiliti dan kepentingan Jabatan terutamanya kepada Rakyat Malaysia**, kerana perancangan bandar sering dianggap sebagai bidang yang kurang memberi ***touch point*** kepada masyarakat.

49. Untuk tahun 2024, kita akan mensasarkan liputan media yang lebih terangkum, mempergiatkan lagi program **pengantarabangsaan** bukan setakat pembentangan kertas kerja sahaja, tetapi perlu memperluaskan:

i. Projek dan kajian secara kerjasama dengan badan antarabangsa. Contohnya, kolaborasi bersama pihak ***Institute for Global Environmental Studies*** **(IGES), World Bank, Asia Pacific Telecommunity (APT), ASEAN dan sebagainya.**

ii. Geran pelaksanaan projek dari badan antarabangsa; dan

iii. Mengeksport khidmat kepakaran kepada negara-negara lain.

50. Malah, **kolaborasi, kerjasama strategik** serta **sesi libat urus yang lebih kreatif dan holistik** perlu dipergiatkan lagi di peringkat Kementerian, PBT, IPTA, MIP dan agensi teknikal yang lain termasuk agensi swasta.

i. Sebagai contoh – kerjasama rapat dengan IPTA boleh dilaksanakan melalui ***cross fertilization*** dan **penyediaan geran penyelidikan**.

ii. Kolaborasi bersama agensi pelaksana seperti PBT dalam pelaksanaan projek seperti *smart cities, healthy city, safe city* dan sebagainya.

51. Untuk itu juga, kita perlu lebih proaktif untuk kekal berada dalam 5 kedudukan **kandungan media** sosial terbaik di kalangan jabatan/agensi KPKT. Liputan media lebih terangkum akan mendukung ke arah PLANMalaysia yang lebih *visible* supaya rakyat tahu siapakah kita dan apakah peranan kita. Di luar sana, masih lagi ada rakyat yang tidak faham dan tidak kenal apakah itu "perancang bandar". Maka tahun ini kita perlu atau wajib memperkasa dan melebar luaskan liputan media dengan **penyediaan media plan dan pelan komunikasi yang lebih berkesan**. Sebagai langkah awal, Bahagian Korporat akan mewujudkan sesi baharu "**Selamat Pagi PLANMalaysia"** semacam program Selamat Pagi Malaysia RTM1 dan sesi wawancara bicara naratif untuk mempromosi produk-produk PLANMalaysia melalui sosial media.

PENGUKUHAN INTEGRITI

52. Sepanjang tahun 2023, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Jabatan untuk mengukuhkan nilai integriti, jati diri serta bebas rasuah di kalangan semua warga PLANMalaysia. Alhamdulillah berkat usaha ini, pada 22 November 2023 yang lalu Jabatan telah diberi **penarafan semula risiko sebagai agensi berisiko RENDAH** berdasarkan penilaian tiga (3) tahun iaitu 2020-2022 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Selain itu, Jabatan juga dengan jayanya telah diperaku oleh **SIRIM QAS Berhad untuk meneruskan pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)** untuk tahun ke dua (2). Tahniah kepada semua warga PLANMalaysia atas segala usaha dan komitmen yang dicurahkan.

53. Namun begitu, saya berharap warga PLANMalaysia tidak terleka dan lalai dengan peraturan-peraturan yang sedia ada. Pada tahun 2023 **sebanyak 15 aduan integriti** telah diterima oleh Jabatan. Daripada 15 aduan yang diterima sebanyak lima (5) kes prima facie telah dibawa ke Lembaga Tatatertib manakala tiga (3) kes masih dalam tindakan Unit Integriti. Ada di antara kes tersebut telah diberikan hukuman tatatertib, ada juga telah diberikan peringatan dan peluang penambahbaikan.

54. Suka untuk saya menarik perhatian semua, **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan** telah mengarahkan supaya satu **Jawatankuasa Tatakelola** (JTK) ditubuhkan bagi menggantikan Jawatankuasa Anti Rasuah. Hal ini bagi memperkasakan tatakelola baik dalam usaha mengekang pembaziran, ketirisan wang Kerajaan, salah guna kuasa dan rasuah bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

55. Oleh itu bagi tahun 2024 ini, masih belum terlewat bagi saya menyeru kepada seluruh warga PLANMalaysia untuk bekerja dengan lebih berintegriti, amanah, hormat-menghormati, berilmu, berketerampilan kemas dan profesional serta cekap melaksanakan tugas.

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA (RFN) DAN DASAR PERBANDARAN NEGARA (DPN) PENERAJU PEMBANGUNAN NEGARA

56. Setelah lebih satu abad kita merancang, fokus kita kini tertumpu untuk **'menaikkan siling' dan 'menaikkan lantai',** sekali gus menekankan kedua-dua komponen penting sebagai sebuah rumah PLANMalaysia yang lengkap bagi mensejahterakan pembangunan seterusnya meninggikan kedudukan iktisad *(bermaksud: ekonomi)* negara.

57. Tumpuan **'menaikkan siling' ini adalah merujuk kepada RFN** yang menjadi tunjang utama apa jua perancangan negara. Sebaliknya **'menaikkan lantai' pula ialah produk-produk seperti garis panduan perancangan, kajian-kajian dasar dan micro *planning*.** Disokong pula dengan produk-produk jabatan yang sama pentingnya seperti RSN, RT, kajian wilayah, perundangan dan lain-lain. Ini akhirnya akan menjadi **asas pembentukan sebuah rumah PLANMalaysia (dan bidang perancangan bandar dan desa) yang saling melengkapi dan utuh**.

58. Fokus kini terarah untuk memperkukuhkan perancangan spatial di peringkat **RFN Ke-5 dan DPN3** dengan mengambil kira dasar-dasar sektoral lain seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu *(New Industrial Master Plan* - NIMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (*National Energy Transition Roadmap* - NETR). **`2024' WILL BE THE YEAR OF BRFN** melalui penyediaan RFN-5 and DPN-3. Kedua-dua pelan pemajuan nasional ini akan menentukan **what's next for future strategic urban planning direction for Malaysia.**

PENUTUP

59. Akhir kalam, suka untuk saya mengajak semua pegawai yang saya kasihi, "ke bukit sama kita daki, ke lembah sama kita turuni" agar kita teruskan **`islah' dan Istiqamah Meneraju Ikhtiar Perbandaran MADANI"** dalam Memperteguh Ikhtiar Perancangan Bandar dan Desa Malaysia selaras dengan Agenda Malaysia

MADANI. Kita perlu ***think big, start small, scale fast and centric to people.***

60. Bak kata ulung Buya Hamka:

"Seseorang yang menolak memperbaharui cara-cara kerjanya yang tidak lagi menghasilkan, berlaku seperti orang yang terus memeras jerami untuk mendapatkan santan"

"Tugas kita bukanlah untuk berhasil, tugas kita adalah untuk mencuba kerana di dalam mencuba itulah kita menemukan kesempatan untuk berhasil"

61. Saya yakin dengan izin Allah, PLANMalaysia akan terus unggul di persada negara dan antarabangsa dengan kecemerlangan perkhidmatan perancangan bandar dan desa serta juga terkenal dengan nilai jati diri warganya yang berintegriti dan profesional yang kalis cabaran masa hadapan.

62. Kita semua umpama sebuah keluarga. Hidup dalam satu rumah yang sama – Rumah PLANMalaysiaku. Maka hidup harmonilah kita di dalam rumah yang kita berteduh ini. Saling bekerjasama, sokong menyokong di antara kita, sentiasa bersama (*togetherness*) agar rumah ini kekal utuh walau apapun melanda.

63. Saya akhiri ucapan dengan dua (2) rangkap pantun:
(nukilan TPr Rosmizawati binti Mohamed Salleh)

Anak kedidi di atas titi,
Murai batu riang berlagu,
Tingkatkan kualiti luaskan visibiliti,
Lebarkan sayapmu PLANMalaysiaku.

Kalau keruh air di muara,
Mungkin hujan sedari dini,
Islah memperkukuh perancangan negara,
Memacu pencapaian Malaysia MADANI.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Disediakan oleh:
Bahagian Korporat, PLANMalaysia
20 Jun 2024